

29/01/2003

Malaysia lakukan apa saja untuk satukan negara Islam

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan lakukan apa saja untuk memastikan semua negara Islam bersatu dan berani untuk menghadapi cabaran.

Menurut Perdana Menteri, sebagai sebuah negara Islam, Malaysia akan berbincang dengan pemimpin Islam lain dan menjelaskan mengenai perlunya untuk mereka mengambil beberapa tindakan, walaupun beliau tidak pasti pandangannya itu akan diterima.

"Kami berpendapat beberapa negara Islam mungkin akan mengetuai usaha untuk menyatukan umat Islam kerana pada masa ini mereka terancam," katanya

dalam satu temu bual dalam program Asian Wall Street Journal yang disiarkan menerusi CNBC TV, malam ini.

Mengenai pendapatnya bahawa punca masalah terutamanya keganasan harus diperhalusi walaupun media atau kerajaan Amerika seolah-olah menerimanya,

Perdana Menteri berkata beliau tertanya-tanya mengapa orang beranggapan pengganas adalah pengganas kerana dia suka menjadi pengganas.

"Saya tidak fikir sesiapa pun suka mengikat bom dan meletupkan diri sendiri kerana menyukainya. Saya tidak fikir begitu, mesti ada sebab, sebab kukuh untuk orang muda sekali pun membuat keputusan untuk mengorbankan diri sendiri. Ia bukan persoalan melancarkan serangan dari sejauh 300 batu apabila anda rasa selamat dan orang lain akan dibom, itu lainlah," katanya.

Mengenai negara-negara Islam tidak mempunyai suara untuk memujuk Amerika menyelesaikan konflik Palestin-Israel dan isu rancangan melancarkan perang terhadap Iraq, Dr Mahathir berkata pandangan Eropah pun tidak diambil serius Amerika.

Beliau berkata, Malaysia yang akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali bulan depan dan Persidangan Pertubuhan Pergerakan Islam pada Oktober, berharap negara Islam lain akan melihat negara ini sebagai satu contoh mengenai bagaimana umat Islam boleh hidup bersama bukan Islam tanpa sebarang masalah.

Dr Mahathir berkata mereka juga wajar melihat bagaimana sebagai sebuah negara Islam, Malaysia boleh ditadbir dengan baik bagi mencapai kemajuan dan umat Islam boleh berlaku adil kepada setiap orang.

Mengenai pendidikan, Dr Mahathir berkata tidak perlu mengajar mata pelajaran lain dalam bahasa Inggeris selain daripada apa yang dilaksanakan

sekarang untuk Sains dan Matematik.

"Tidak, saya rasa tidak perlu (untuk mengajar mata pelajaran lain dalam bahasa Inggeris).

"Adalah sangat penting bagi kami memelihara identiti dan bahasa kami," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan sama ada beliau berharap bahasa Inggeris akan digunakan untuk mengajar mata pelajaran lain juga.

Mengenai penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar Sains dan Matematik, beliau berkata, ia adalah kerana keadaan dan keperluan baru berikutan perubahan pesat dalam teknologi baru, terutamanya teknologi maklumat.

Sambil menyatakan pandangannya berhubung sistem pendidikan berasaskan bahasa Melayu tidak berubah berikutan pengenalan semula pengajaran mata pelajaran dalam bahasa Inggeris, Dr Mahathir berkata beliau sentiasa memberitahu rakyat Malaysia supaya fasih dalam bahasa Inggeris.

Bagaimanapun, katanya ada pihak yang membantah pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris kerana mereka tidak menyedari pentingnya bahasa Inggeris.